

Rakyat Jangan Perjudi Nasib Kepada Pakatan Politik Yang Rapuh, Kata Ahmad Maslan
Bernama
27 Julai, 2012

JELI, 27 Julai (Bernama) -- Rakyat diingatkan tidak memperjudi nasib mereka dengan memberi peluang kepada pakatan pembangkang yang dianggap oleh Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan sebagai "longgar dan rapuh."

Katanya, pakatan parti politik yang longgar dan rapuh boleh menyebabkan negara tidak stabil dan akhirnya akan musnah.

"Apabila berada di puncak kuasa, kuasa itu boleh musnah dan negara tidak stabil kerana pakatan yang rapuh itu, ini menjadikan mereka (pakatan pembangkang) tidak layak memimpin negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama penduduk Ayer Lanas di sini, Jumaat.

Ahmad yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata persefahaman antara PAS dan DAP adalah sementara, kerana DAP terus bertegas menentang perjuangan PAS untuk menubuhkan sebuah negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683787>

